



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

**BERNAMA.COM**

UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

| Utama | Tentang BERNAMA | Peta Laman | Hubungi Kami | Senarai Berita | Arkib Berita

Malay | English | 中文 | عربي

Warna:     A+ A- Reset

BERNAMA.COM

utama » berita

CARIAN

GO

16 Februari, 2011 11:46 AM

## AWER Saran Tubuh Pasukan Petugas Atasi Kerugian Akibat Paip Air Bocor

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) pada Rabu menyarankan pihak berkuasa menubuhkan pasukan petugas khas bagi menangani kerugian akibat kebocoran paip air dan kecurian.

Presidennya S. Piarapakaran berkata langkah itu perlu memandangkan kajian mereka mendapati pada 2009 negara kerugian sekitar RM1.6 bilion akibat kebocoran paip air yang berleluasa kerana tidak diselenggara dengan baik.

Kajian juga menunjukkan kebanyakan negeri tidak mengutamakan aspek penyelenggaraan pada sistem agihan air, katanya kepada Bernama, di sini.

Beliau juga percaya masyarakat dapat menikmati bekalan air dengan kos yang lebih murah jika isu seperti kebocoran paip itu ditangani.

Persatuan tersebut juga mencadangkan kepada kementerian terbabit agar menjadikan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) sebagai petunjuk Indeks Prestasi Utama (KPI) dalam menentukan harga air terawat.

-- BERNAMA

**Kami menyediakan langganan  
berita melalui perkhidmatan [NewsWire](#).**

[Kembali](#) [Ke Atas](#)

Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Senarai Berita | Arkib Berita | Suapan RSS | Facebook BERNAMA | Twitter BERNAMA

Media Relations & Event Management (MREM) | BERNAMA Library Infolink Service (BLIS) | BERNAMA Media | Perkhidmatan Foto BERNAMA | BESSAR

© 2011 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. [Penafian](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#)  
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.  
Paparannya terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel



### Berita-berita Lain

▣ Kerajaan Selangor Sedia Biaya Kos Bawa Dr Pornthip Bantu Suruhanjaya Diraja

▣ SEA: Mesyuarat MOM Sabtu Ini Tentukan Protes Tindakan Indonesia

▣ Persepsi Negatif Masyarakat Terhadap Polis Boleh Dihapuskan - Lee Lam Thye

▣ Bi-Anne Mahu Hak Bersuara Semasa Soal Hak Penjagaannya Didengar Di Mahkamah Rayuan

▣ Sindiket Dadah Antarabangsa Guna Ejen Tempatan Cari 'Keldai Dadah'

advertisement

**Iklan di sini!**  
Hubungi kami untuk mengiklan  
250 x 250 piksel